

# Selangor ambil berat pandangan PM

UM 6 JUL 2002

**S**HAH ALAM 5 Julai — Kerajaan Selangor mengambil berat pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahu kerajaan negeri supaya tidak mengamalkan dasar yang bercanggah dengan Kerajaan Pusat.

Malah, Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, segala keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri mulai sekarang akan dibincangkan semula di peringkat Kerajaan Pusat bagi memastikan keselarasan dasar kedua-dua pihak.

Sebagai contoh, jelas beliau, kerajaan negeri telah menolak permohonan pembinaan pasar raya besar Tasco di Shah Alam kerana menyedari kawasan itu telah mempunyai dua buah pasar raya besar seperti itu iaitu Giant dan Makro.

"Ia selaras dengan arahan Kerajaan Pusat yang tidak mahu terlalu banyak pasar raya besar di sesebuah kawasan kerana ia boleh menjejaskan perniagaan para peniaga kecil bumiputera.

"Malah pada masa sama Selangor juga seiring dengan Kerajaan Pusat dalam kempen setingan sifar 2005

serta projek pembinaan rumah untuk pegawai-pegawai kerajaan sebagaimana yang diarahkan," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan Kesatuan Penghulu Selangor di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau mengulas peringatan yang disampaikan oleh Dr. Mahathir semalam ketika mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di Putrajaya.

Perdana Menteri juga mengingatkan agar menteri-menteri besar supaya me-

antau pelaksanaan segala keputusan dan bukan hanya membuat keputusan dan memberi arahan kepada pegawai.

Mengulas mengenai kelulusan pembinaan pasar raya besar Tasco di Puchong sedangkan kawasan tersebut telah mempunyai banyak kemudahan itu, Mohamad Khir berkata, perkara tersebut tidak dapat dielakkan.

Katanya, ini kerana kelulusan itu diberi sebelum Kerajaan Pusat mengeluarkan garis panduan mengenai pembinaan sesebuah pasar raya besar dan tambahan pula projek pembinaan pa-

sar raya besar berkenaan telah pun dimulakan.

"Bagaimanapun itu tidak bermakna kerajaan negeri tidak mahu membina lagi pasar raya besar kerana kemudahan itu sangat penting bagi membantu para pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan memasarkan barangan mereka.

"Cuma apa yang perlu diberi perhatian ialah supaya pembinaan pasar raya besar itu mestilah seimbang dengan keperluan pemasaran barangan pengusaha IKS dan pada masa sama dapat menjaga perniagaan peniaga-peniaga kecil," jelas beliau.